

Saifuddin 'kejutkan' peniaga Pasar Borong Selangor

Mohd. Fairuz Yusof
23 Jun 2019 12:42 PM



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL bersama pegawai KPDNHEP melakukan lawatan mengejut memantau harga barangan selepas musim perayaan di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan, Selangor hari ini. - UTUSAN ONLINE/ gambar ihsan Facebook Saifuddin Nasution Ismail

KUALA LUMPUR - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail 'mengejutkan' peniaga Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan dekat sini bagi melakukan pemantauan mengejut.

Beliau yang disertai pegawai NForce team kementerian itu melawat pasar borong tersebut kira-kira pukul 4 pagi tadi.

Dalam lawatan itu, beliau bersama pegawai kementerian meneliti pergerakan harga barang selepas tamat tempoh Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP), menilai kepatuhan terhadap undang-undang pengguna serta mendapat maklum balas daripada peniaga dan pengguna.

"Alhamdulillah, hasil pemantauan mendapati harga barangan keperluan masih lebih kurang sama dengan harga semasa tempoh pelaksanaan SHMMP. Bekalan juga mencukupi dan kualiti barangan jualan tinggi.

1 "Saya ingin mengingatkan para peniaga supaya tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya walaupun tempoh SHMMP telah berakhir. Peniaga juga harus patuh terhadap undang-undang pengguna seperti meletakkan tanda harga dan memastikan timbang sukat tepat," katanya yang memuat naik status dalam akaun Facebook miliknya hari ini.

Saifuddin menambah, beliau bersama pegawai penguat kuasa Kementerian akan meneruskan pemantauan secara kerap bagi menangani sebarang pencatutan dan menjaga kebajikan pengguna.

"Bagi pengguna pula, saya minta supaya laporkan kepada KPDNHEP-Laman Rasmi sekiranya mendapati sebarang kenaikan harga secara mendadak atau ketidakpatuhan terhadap undang-undang pengguna.

"Antara saluran yang boleh digunakan adalah saluran aplikasi WhatsApp Kementerian iaitu 019-2794317," ujarnya.

Menurutnya, diharapkan berkat kerjasama semua pihak, kos sara hidup di Malaysia akan terus kekal berpatutan. - UTUSAN ONLINE

